



AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH : 25 OGOS 2017 (JUMAAT)  
MUKA SURAT : 34

**KENAPA** kerajaan membenarkan PTPTN menyenarai hitam peminjam sehingga menyukarkan dan menekan mereka? Apakah alasan yang munasabah? Jika pihak PTPTN boleh menyukarkan peminjam, apakah peminjam tidak berhak menggunakan KWSP mereka bagi tujuan mereka sendiri? Kalau alasan KWSP simpanan hari tua, sempatkah mereka ini bertahan menjelang pencen? Dengan bebanan dan masalah kewangan terhad, adakah ini adil? HM M/5 34

»KURIUSBOH



#### MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI HARIAN METRO

Aduan daripada KURIUSBOH yang disiarkan di dalam akhbar Harian Metro pada 25 Ogos 2017 (Khamis) adalah dirujuk.

Tindakan penyenaian hitam peminjam daripada ke luar negara adalah merupakan tindakan yang dikenakan kepada peminjam yang gagal melaksanakan tanggungjawab membuat bayaran balik PTPTN secara konsisten dan mempunyai tunggakan hutang. Tindakan ini bukan untuk menyukar atau menekan peminjam sebaliknya adalah untuk membantu peminjam itu sendiri daripada terus mempunyai beban tunggakan hutang yang banyak dan akhirnya membebankan diri peminjam itu sendiri. Nama peminjam yang telah disenarai hitamkan boleh disenarai putih sekiranya peminjam berkenaan berbincang dengan PTPTN dan membuat bayaran secara konsisten pada setiap bulan berdasarkan kemampuan mereka. Tindakan penyenaian hitam daripada ke luar negara oleh PTPTN ini juga merupakan kaedah yang digunapakai oleh lain-lain agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia bagi memastikan hutang dapat dilunaskan dengan lebih berdisiplin.

PTPTN juga menyediakan pelbagai kemudahan saluran bayaran balik pinjaman kepada peminjam. Antara kemudahan yang disediakan adalah *direct debit*, *JomPay*, *myPay*, *FPX*, perbankan internet dan potongan gaji. Pengeluaran Akaun II Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga merupakan salah satu daripada pelbagai kemudahan kaedah bayaran balik yang telah disediakan. Kemudahan pengeluaran Akaun II KWSP ini disediakan untuk semua pinjaman pelajaran termasuk PTPTN, JPA dan MARA selain kemudahan untuk pembelian rumah, kos perubatan dan haji. Kemudahan pengeluaran Akaun II KWSP ini disediakan untuk kemudahan pencarum dan pengeluaran adalah atas permohonan pencarum tanpa melibatkan sebarang pengeluaran Akaun I yang bertujuan untuk kegunaan selepas persaraan atau erti kata lain adalah simpanan untuk hari tua kelak.

PTPTN mengucapkan terima kasih kepada peminjam yang telah menunaikan tanggungjawab membuat bayaran balik hutang pinjaman pendidikan mereka bagi memastikan generasi akan datang turut sama menikmati kemudahan yang disediakan untuk ke menara gading bagi mencapai cita-cita. PTPTN sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agar pelanggan khususnya peminjam menikmati kemudahan yang telah disediakan. Untuk sebarang cadangan atau aduan boleh dikemukakan secara *online* melalui [icare.ptptn.gov.my](http://icare.ptptn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional